

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA PELANCARAN MODUL PEMBANGUNAN REMAJA DAN PENUTUPAN RASMI FORUM REMAJA  
Lokasi : INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA(IKIM), KUALA LUMPUR  
Tarikh : 01-07-1997

1. Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan berkat dan hidayah-Nya dapat kita bersama di majlis pada petang ini. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kerana memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan modul pembangunan remaja sempena dengan forum remaja atas tema 'Citra Remaja Masakini: Antara Cabaran dan Harapan'.

2. Saya amat berbangga dengan langkah inovatif LPPKN untuk memandu remaja ke hadapan dan memberi mereka peluang mengurus dan merancang forum ini. Syabas kepada jawatankuasa penganjur forum yang dianggotai kumpulan remaja dan dewasa muda (young adults). Ini adalah langkah positif bagi remaja meningkatkan kebolehan dan daya fikiran mereka dalam menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan.

3. Adalah dianggarkan 36 peratus daripada penduduk negara kini terdiri daripada golongan yang berumur kurang daripada 15 tahun. Pada tahun 2020, sungguhpun peratusannya akan turun kepada 29 peratus namun bilangan mereka akan bertambah daripada 6.9 juta kepada 7.9 juta. Ini bermakna golongan muda harus diberi perhatian dan keutamaan dalam pelbagai aspek perancangan kehidupan dan pembangunan mereka kerana mereka adalah pelapis yang akan mewarisi kepimpinan dan mendukung wawasan negara.

4. Kita harus bersyukur bahawa hampir kesemua rakyat kita dapat merasa dan menikmati hasil-hasil pembangunan dan kemajuan negara. Pencapaian ini adalah kerana perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan sosio-ekonomi negara yang rapi dan adil kepada semua masyarakat. Program-program khusus diatur untuk golongan termiskin, mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman, mereka yang kurang upaya serta yang memerlukan jagaan khas. Kita harus bersyukur di atas perhatian dan kesungguhan Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar yang positif ini.

5. Kita juga harus bersyukur dengan keadaan negara yang begitu aman dan stabil. Tidaklah perlu saya sebutkan negara-negara yang tidak senasib dengan kita di mana ketidakstabilan politik, ketiadaan keamanan negara mereka, dengan rusuhan dan konflik dalaman dan luaran yang menyebabkan negara mereka tidak dapat bergerak maju. Malahan rakyat mereka semakin miskin dan menderita. Di negara-negara ini, kanak-kanak dan remaja membesar tanpa mendapat didikan yang sempurna.

Sebaliknya mereka terdedah kepada peperangan saban hari hingga secara tidak langsung mereka mengetahui dan pandai pula dalam cara-cara menggunakan senjata.

Akibatnya personaliti mereka dipengaruhi dengan sifat-sifat ganas, kejam, bermusuhan dan suka bergaduh atau berperang. Di samping itu, ada juga negara yang ditimpa pelbagai bencana alam yang menyebabkan rakyatnya kelaparan dan tiada peluang mencari rezeki. Syukur Alhamdulillah kita tidak perlu berhadapan dengan cabaran- cabaran buruk seperti ini.

6. Bagaimanapun kita masih berhadapan dengan cabaran- cabaran dalam bentuk lain yang melanda anak-anak remaja kita. Gejala dan penyakit sosial seperti lepak, 'bohsia', penyalahgunaan dadah, 'hooliganism' dan perbuatan yang melanggar tatasusila budaya timur kita telah pun menular di kalangan remaja kita. Mengetahui tentang masalah sosial sahaja tidak mencukupi, bahkan tidak berguna sekiranya ia tidak disusuli dengan cara- cara penyelesaian dan pencegahan. Pada pandangan saya setiap individu ada pilihan dan kita perlu membuat pilihan yang terbaik untuk diri sendiri dan keluarga dengan membina benteng diri dan menjauhi daripada pengaruh dan unsur-unsur negatif dan bahaya.

7. Kemajuan dan pemodenan zaman telah membawa banyak perubahan kepada penghidupan harian kita. Ahli-ahli keluarga terpaksa berpisah untuk mencari pekerjaan yang lebih baik. Pendidikan tinggi

mendorong wanita bekerja luar dari rumah. Peranan tradisi ibu telah bertukar corak dan kini peranan itu dipikul bersama oleh suami isteri atau ibubapa untuk membangunkan anak-anak dan keluarga yang berdaya tahan, bertanggungjawab dan bersedia menghadapi cabaran. Perubahan akan terus berlaku dengan kecanggihan teknologi seperti teknologi maklumat dan penduduk yang sentiasa `mobile'. Apa yang perlu disedari dan dihindari adalah kesan-kesan negatif daripada teknologi maklumat seperti internet dan sumber- sumber media. Oleh itu, penapisan perlu berlaku daripada dalam diri atau fikiran kita sendiri, bukannya bergantung kepada penapisan oleh badan-badan berwajib.

8. Para remaja merupakan golongan yang amat mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif kerana sifat semulajadi remaja untuk mencari identiti sendiri, mudah terikut dengan gayacara budaya `moden', sentiasa diselubungi dengan sifat `ingin tahu, ingin mencuba, dan berani menghadapi risiko'. Pengaruh positif pula agak lambat untuk menambat hati remaja kerana ia lebih menekankan disiplin, kerajinan, ketahanan diri dan hanya akan mendapat hasil dan faedah setelah berusaha gigih, bertekun dan bersabar. Maka menyedari pentingnya untuk membentuk sikap dan nilai positif di kalangan remaja, kita sebagai golongan dewasa dan rakan sebaya seharusnya bersedia memberi dorongan dan bimbingan berterusan untuk membangunkan remaja yang sihat dan cemerlang.

Pendidikan sepanjang hayat (life long education), ketinggian moral dan rohaniah serta kemahiran untuk menghadapi cabaran era baru pembangunan merupakan kekuatan yang paling penting untuk dimiliki oleh setiap individu, remaja mahupun dewasa.

9. Bagi tujuan ini saya difahamkan, modul pembangunan remaja direka khusus dengan bermatlamat memberi peluang dan dorongan kepada remaja membangunkan sepenuhnya potensi diri daripada perspektif mental, fizikal, sosial dan kerohanian. Alam remaja merupakan tahap kritikal dalam proses perkembangan individu yang penuh dengan berbagai-bagai dugaan dan pancaroba. Inilah masa untuk remaja membentuk sifat-sifat kendirinya dan menentukan watak dan caragaya hidupnya berasaskan didikan dan jagaan ibubapa, pengalaman dan suasana persekitaran. Andainya remaja tidak kuat dalam pegangan nilai-nilai murni dan agama, dan kurangnya bimbingan keluarga dan guru, mereka pasti mudah hanyut dengan penyakit-penyakit sosial yang sentiasa menunggu mangsanya.

10. Di akhir-akhir ini, dalam usaha kita mencari punca dan sebab berlakunya gejala sosial, beberapa pihak telah disalahkan -- di antaranya ibubapa, sekolah, media ataupun remaja sendiri. Adalah diperhatikan banyak isu dan masalah yang dihadapi remaja hari ini mempunyai perkaitan rapat antara pengaruh dalaman iaitu keluarga itu sendiri dan pengaruh luaran. Sikap toleransi, persefahaman serta komunikasi terbuka di antara ibubapa dan anak-anak mereka banyak mempengaruhi perkembangan diri remaja. Walaupun ibubapa sibuk dengan mencari nafkah tetapi tanggungjawab kepada keluarga perlu diutamakan. Memahami perasaan, menjaga emosi dan menjalinkan kasih sayang adalah nilai-nilai murni untuk membentuk remaja yang seimbang dan penyayang.

11. Saya berharap maklumat dan kemahiran dari Modul Pembangunan Remaja dan Forum Remaja ini akan membolehkan para remaja memahami diri sendiri, membentuk watak, keyakinan diri dan benteng diri untuk menjauhi pengaruh dan penyakit sosial. Saya menyeru kepada semua remaja untuk membuat pilihan bijak dan menjadi contoh atau `role model' di antara satu sama lain sebagai rakan sebaya.

12. Jadikanlah program-program dan aktiviti-aktiviti dari Modul ini untuk memajukan diri dan yakinlah bahawa setiap remaja ada keupayaan serta kemampuan untuk merubah nasib sendiri. Majukan bakat yang terpendam untuk kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan.

13. Tibalah masanya bagi setiap lapisan masyarakat bekerjasama berganding bahu dalam mencari strategi- strategi yang paling berkesan untuk penyelesaian dan pencegahan gejala-gejala sosial. Saya menyeru kepada semua pihak -- ibubapa, sekolah, pemimpin masyarakat, agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dan sektor swasta untuk bersama-sama bertindak dalam apa juga bentuk yang boleh menghasilkan kebaikan. `Let us all do our little bit so that together we can make that difference - for the better'.

14. Kepada remaja, saya berharap agar remaja akan berasa bangga dengan kemampuan diri sendiri

dengan sentiasa menjadikan kekuatan dalam diri sebagai benteng untuk menangkis segala dugaan dan cabaran yang boleh merosakkan diri sendiri. Jadikanlah segala gejala sosial negatif sebagai cabaran dan sempadan. Gunakanlah usia muda ini dengan penuh bijaksana dan hikmah untuk menuju ke tahap kecemerlangan diri. Dengan amalan hidup positif lagi sederhana dalam setiap aspek kehidupan, remaja akan mampu membawa negara ke abad dan iltizam baru.

15. Dengan doa dan harapan ini dan dengan lafaz `bismillahir rahmanir rahim', saya dengan sukacitanya melancarkan Modul Pembangunan Remaja serta menutup rasmi Forum Remaja `Citra Remaja Masa Kini: Antara Cabaran dan Harapan'.